

24 OCT 2000

Mahathir-Hukuman

PM KATA DEBAT MENGENAI PERBUATAN MURTAD MASIH BELUM SELESAI

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata hukuman bunuh bagi mereka yang murtad tidak dilaksanakan di negara ini memandangkan perbahasan mengenainya masih belum selesai.

"Oleh kerana belum ada penyelesaian termasuk mengenai hukuman bunuh (bagi mereka yang murtad), kita memilih untuk tidak lakukan apa-apa.

"Amat teraniaya jika hukuman bunuh dijatuhkan dan kemudiannya didapati ia tidak kena," katanya pada sesi dialog sempena seminar antarabangsa mengenai Undang-undang Islam Dalam Dunia Masa Kini, di sini.

Dr Mahathir berkata hukuman sebegitu juga mungkin menyebabkan orang bukan Islam tidak berminat memeluk agama Islam dan dengan itu menyekat usaha meningkatkan syiar Islam.

Menurutnya pihak yang ortodoks berpendapat tidak ada kesangsian mengenai hukuman bunuh terhadap mereka yang keluar daripada Islam tetapi ada yang berkata pelaksanaan hukuman bunuh itu "tidak kena".

Dr Mahathir berkata mungkin dalam masyarakat 100 peratus Islam, tindakan keras terhadap mereka yang murtad boleh dijalankan tetapi hakikatnya ialah boleh dikatakan tidak ada masyarakat sedemikian sekarang.

Menyentuh pentadbiran undang-undang Islam yang tidak seragam di negeri-negeri di Malaysia, beliau berkata situasi itu wujud memandangkan hal ehwal agama menjadi hak Raja-raja yang mempunyai penasihat agama masing-masing.

"Mereka percaya kepada kebebasan mereka dan sebab itulah undang-undang (agama) tak sama," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan Persekutuan cuba memberikan panduan berhubung pentadbiran undang-undang Islam tetapi malangnya ada sesetengah negeri yang tidak bersetuju.

"Ini menjadikan undang-undang mereka berbeza dengan negeri-negeri lain," katanya lagi.

Mengenai langkah kerajaan untuk mengawasi perbuatan sesetengah pihak termasuk ulama yang menyuarakan pandangan "kurang sihat", Dr Mahathir berkata sememangnya tindakan keras boleh diambil terhadap mereka.

Bagaimanapun beliau berkata apa yang lebih baik ialah penerangan dan pendidikan berterusan tentang ajaran sebenar Islam bagi membolehkan rakyat menangkis pandangan seumpama itu.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman ketika ditemui pemberita berkata isu murtad dimainkan pembangkang semata-mata untuk tujuan politik.

Menurutnya isu itu sengaja diperbesar-besarkan termasuk dengan memberikan bilangan yang salah berhubung mereka yang terlibat dengan perbuatan murtad.

Mengenai penyeragaman undang-undang syariah, beliau berkata kertas kerja mengenai perkara itu sudah disiapkan dan akan dikemukakan kepada Majlis Raja-raja untuk diluluskan.

Abdul Hamid berkata kertas kerja itu mengandungi antara lain cadangan berkaitan perkara prosedur.

-- BERNAMA

MAM AHH NMO